

16 JUN 1998

Umno-perhimpunan

AMANAT DR MAHATHIR KEPADA PERWAKILAN UMNO ESOK

KUALA LUMPUR, 16 Jun (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad akan menyampaikan amanatnya mengenai Perhimpunan Agung Umno kepada para pemimpin parti itu di Pusat Dagangan Dunia Putra di sini esok.

Para pemimpin itu terdiri daripada anggota-anggota Majlis Tertinggi, barisan exco pergerakan Pemuda dan Wanita serta ketua, timbalan ketua, naib ketua, bendahari serta ketua penerangan dari bahagian-bahagian.

Ketua Pemuda dan Ketua Wanita bahagian juga akan menyertai majlis itu, kata Setiausaha Agung Umno Datuk Sabbaruddin Chik pada persidangan berita menjelang Perhimpunan Agung Umno selama tiga hari bermula Jumaat ini.

Majlis taklimat oleh Dr Mahathir selaku Presiden Umno itu merupakan acara biasa sebelum bermulanya perhimpunan agung parti.

Dr Mahathir akan merasmikan perhimpunan agung itu, yang akan dihadiri oleh 1,907 perwakilan, pada pagi Jumaat ini. Para perwakilan itu terdiri daripada seorang pengerusi tetap, seorang timbalan pengerusi tetap, 42 orang anggota majlis tertinggi, 30 orang anggota perwakilan Pemuda, 30 orang anggota perwakilan wanita dan 1,803 orang anggota perwakilan bahagian.

Kedua-dua pergerakan Pemuda dan Wanita akan mengadakan perhimpunan agung masing-masing pada hari Khamis yang akan dirasmikan serentak oleh Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim.

Sabbaruddin berkata Perhimpunan Agung Umno kali ini akan membahaskan dua usul iaitu Ucapan Dasar Presiden dan Ekonomi. Usul pertama akan dibentangkan oleh wakil Kuala Nerus, Terengganu dan disokong oleh wakil Sungai Benut, Johor.

Usul Ekonomi pula akan dibentang oleh wakil Wangsa Maju, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan disokong oleh wakil Kinabalu, Sabah.

Setiap pencadang dan penyokong usul diberikan sehingga 40 minit untuk berucap manakala pembahas usul dari setiap negeri mempunyai 20 minit untuk berbahas.

"Masa yang diberikan adalah lebih daripada perhimpunan yang lepas-lepas kerana kita tidak mahu timbul kadangkala pembahas usul meminta tambahan waktu sehingga menyulitkan pengerusi tetap," kata Sabbaruddin.

Menurutnya, soal pendidikan dan agama boleh dikemukakan oleh pembahas semasa membincangkan usul Ucapan Dasar Presiden, yang dijangka menyentuh perkara berkenaan.

Lapan daripada 14 parti politik dari negara-negara sahabat yang diundang telah mengesahkan kehadiran mereka untuk majlis perasmian Perhimpunan Agung Umno itu.

Sebanyak 18 wakil dan enam pemerhati dari 18 Kelab Umno luar negara akan turut menghadiri perhimpunan itu.

Anwar memberitahu pemberita selepas melawat Syarikat Takaful Malaysia Bhd di sini bahawa beliau menjangkakan Dr Mahathir akan menekankan masalah ekonomi dan usaha ke arah pemulihan ekonmi negara pada Perhimpunan Agung Umno kali ini.

"Perhimpunan Umno seperti biasa akan menjadi forum untuk kita bincangkan masalah setelah mendengar ucapan presiden yang memberikan pengarah tentang isu-isu utama," katanya.

-- BERNAMA

MAM MAI